

Keunikan Peradaban Dialek Kelantan Berdasarkan Kepelbagaian Kawasan Penutur Tempatan¹

Uniqueness of Kelantan Dialect Based on Diversity of Local Areas

Nur Azuki bin Yusuff

nurazuki@umk.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan

Khuzaiton Zakaria

Mohd Tarmizi Hasrah

h.tarmizi@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Dialek Kelantan adalah cerminan jati diri rakyat Kelantan. Dalam usaha membuktikan pernyataan itu, makalah ini diusahakan dalam menampakkan keunikan dialek Kelantan mengikut kepelbagaian kawasan penutur berdasarkan semua aspek, sama ada dari sudut persamaan dan perbezaannya, keunikan dan kelembutan intonasinya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan didasarkan kepada penemuan dokumentasi yang dikukuhkan dengan maklumbalas townhall serta data daripada pengkaji berautoriti. Hasil kajian menunjukkan terdapat sistem pertukaran dari bahasa standard kepada kolokial Kelantan dalam aspek sebutan, pembentukan kata, ayat dan leksikal, kesantunan berbahasa. Namun dalam sesetengah kes tidak terdapat keseragaman. Cara ungkapannya juga berbeza mengikut geografi kependudukan penutur, iaitu penutur orang hilir sebelah utara Kelantan adalah lebih lembut berbanding dialek orang hulu sebelah selatan Kelantan; bermula dari Machang sehingga Gua Musang yang lebih kasar dan langsung serta tidak terlalu berlapik. Di samping itu, wujud perkataan unik yang tidak digunakan oleh semua orang Kelantan. Kepelbagaian turut dilihat melalui penutur pelbagai etnik di Kelantan dan terdapat juga bahasa Melayu Kelantan Purba yang dituturkan. Justeru, Keunikan dan kepelbagaian dialek Kelantan yang diketengahkan ini adalah warisan yang perlu dilestarikan.

Kata Kunci: Dialek Kelantan; hulu dan hilir; bahasa Melayu Purba; keseragaman; kolokial.

¹ Kertas ini dibentangkan dalam Program Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti “Cakno Loghat Kelate” pada 5 Mac 2024 (Selasa) di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu, Kelantan anjuran Kementerian Perpaduan Negara, Arkib Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka
eISSN: 2637-0360

ABSTRACT

The dialect of Kelantan is a reflection of the identity of the people of Kelantan. In an effort to prove that statement, this paper is worked on showing the uniqueness of the Kelantan dialect according to the diversity of the speaker's area based on all aspects, whether from the point of view of similarities and differences, the uniqueness and softness of intonation. This study uses a qualitative method based on the findings of documentation that is strengthened with townhall feedback as well as data from authoritative researchers. The results of the study show that there is a system of exchange from the standard language to the Kelantan colloquial in terms of pronunciation, word, sentence and lexical formation, politeness. But in some cases there is no uniformity. The way of expression also varies according to the geographical location of the speaker, i.e. the speakers of the northern part of Kelantan are softer than the dialect of the people of the southern part of Kelantan; starting from Machang up to Gua Musang which is more rough and direct and not too lined. In addition, there are unique words that are not used by all Kelantans. Diversity is also seen through speakers of various ethnicities in Kelantan and there is also the ancient Malay language of Kelantan spoken. Thus, the uniqueness and diversity of the Kelantan dialects highlighted is a heritage that needs to be preserved.

Keywords: Kelantan dialect; upstream and downstream; Ancient Malay language; uniformity; colloquial.

PENGENALAN

Kamus Dewan(1999) mentaksirkan dialek sebagai bentuk bahasa yang dituturkan dalam sesebuah komuniti atau sesuatu kelas sosial yang dipengaruhi oleh cara hidup dan budaya orang yang tinggal di sesuatu kawasan. atau cara sesuatu perkataan itu disebut oleh orang yang tinggal di satu kawasan yang dipengaruhi oleh cara hidup dan budaya orang mereka. Dialek Kelantan dituturkan oleh penutur-penutur yang berasal dari negeri Kelantan dan mereka yang menduduki negeri Kelantan serta sekitarnya, seperti penduduk yang mendiami kawasan di Sempadan Kelantan-Terengganu, Kelantan-Pahang dan juga beberapa jajahan dalam wilayah Thailand Selatan seperti Sungai Golok, Narathiwat, Yala dan Patani. Selain masyarakat Melayu, masyarakat Cina, Siam, India, Pathan, orang pribumi/asli dan sebagainya yang tinggal di Kelantan juga tidak ketinggalan menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa pertuturan sehari-hari mereka sama ada dalam urusan tidak rasmi atau urusan rasmi.

Dialek Kelantan sinonim dengan istilah bahasa kolokial dan loghat Kelantan. Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (2024), kolokial merupakan bahasa percakapan dan bahasa basahan (bukan bahasa baku) yang digunakan untuk berinteraksi sehari-hari dengan memperpendek kata . Kolokial sering disebut bahasa kelas rendah kerana sering menyisipkan bahasa daerah tempat tinggal penutur pada saat berinteraksi. Ragam santai merupakan ragam yang digunakan dalam keadaan santai. Penutur dialek tidaklah begitu besar untuk dianggap ianya bahasa yang lain daripada bahasa Melayu. Kepelbagaian dalek dalam bahasa Melayu
eISSN: 2637-0360

merupakan khazanah warisan negara yang menjadi cerminan tamadun bangsa (Collins T.J, 1989). Orang Melayu amat bersantun dalam bercakap. Ia boleh dikaitkan dengan kesantunan penutur dialek yang mempunyai kaitan dengan kawasan yang didiami serta budayanya. Ini bermaksud, jika kasar budaya sesuatu kawasan maka kasarlah juga cara pertuturnya. Bahasa ini adalah petanda status jati diri rakyat Kelantan yang bersesuaian dengan ungkapan “Bahasa Jiwa Bangsa”. (Awang Sariyan, 2007)

Penyusunan kamus dialek Melayu Kelantan terawal di Semenanjung ialah Kamus Dialek Melayu Kelantan oleh Abdullah al-Qari (1981). Collins dan Husin (1988) menyatakan bahawa *Kamus Pertuturan Loghat Kelantan* merupakan kamus yang “menakjubkan” dan “memperlihatkan wawasan yang mendalam tentang fonetik dialek Kelantan.” Pemerian tatabahasa dialek Melayu Semenanjung yang terawal dan sistematik juga dilakukan terhadap Kamus Dialek Melayu Kelantan oleh Abdul Hamid (2006). Dewan Bahasa dan Pustaka turut menerbitkan *Glosari Dialek Kelantan* (2015).

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Asmah Omar (1993 dan 1992) menegaskan bahawa dialek berperanan dalam proses modenisasi bahasa. Dialek akan kekal dalam era moden dan ia tertakluk kepada penutur secara individu walaupun dalam bahasa yang diciptakan secara artifisial. Satu perkataan boleh membawa makna yang berbeza bagi setiap lokaliti dan situasi.

Kelantan terdiri daripada 11 jajahan, iaitu; Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli, Gua Musang dan Jajahan Kecil Lojing. Namun, kepelbagaiannya dialek bukan sahaja kerana kawasan yang berbeza tetapi juga kerana faktor migrasi, agama, diaspora, kekeluargaan, penjajahan baharu dan polisi kerajaan. Tetapi kini, ramai rakyat Kelantan yang sudah tidak lagi bertutur dialek Kelantan. Status kerakyatan mereka mungkin boleh dipertikaikan dan dipersoalkan. Manakala warga luar Kelantan yang bertutur dialek Kelantan serta berbudaya Kelantan sedia dikatakannya ‘orang Kelantan’. Walaupun ia dianggap bahasa kelas rendah, ia tetap menjadi simbol jati diri rakyat Kelantan.

Dialek Kelantan dituturkan dengan sebutan, perkataan yang pelbagai maksud. Terdapat pelbagai perkataan unik yang hanya digunakan khusus oleh di satu kawasan itu sahaja yang mungkin tidak difahami oleh orang dari kawasan yang lain, malah tidak mustahil kalau kebanyakan orang Kelantan sendiri tidak memahaminya.

Kini, dari Gua Musang hingga ke Kota Bharu, kebanyakan orang muda sudah tidak begitu pasti dan jelas dengan perbezaan ungkapan mengikut kawasan geografi ini. Kebanyakan mereka merasa tidak ada perbezaan dari segi sebutan orang hilir dan hulu, utara dan selatan Kelantan, seolah-olah sama sahaja sebutan ungkapannya. Tetapi bagi orang lama yang dalam lingkungan umur 50-an ke atas, perbezaan ungkapan itu masih ketara dan dapat dikesan secara spontan serta dapat menunjukkan kawasan asal penuturnya. Itulah jejak yang ingin diterokai oleh pengkaji dalam usaha mengetengahkan sebagai khazanah warisan.

Justeru, objektif kajian ini ialah berusaha mengetengahkan dialek Kelantan dari aspek sebutan, pembentukan kata, ayat dan leksikal, kesantunan berbahasa dan seterusnya menyatakan perbezaan dialek orang Kelantan mengikut kawasan dan etnik.

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data dilakukan secara pengambilan data dokumentasi pengkajian sebelum ini, secara pengamatan awal dan temubual tidak berstruktur. Pengumpulan data secara pengamatan dilakukan pengkaji ke atas beberapa orang individu yang berdialek Kelantan sama ada di Kelantan atau luar Kelantan. Manakala sesi temubual telah dilakukan di Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Kuala Krai dan Jeli melalui kaedah temubual tidak formal dan pemerhatian. Hasil temubual itu dicatat dan direkodkan dalam bentuk jadual yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan mengemukakan juga dapatan sokongan daripada pengkaji lain yang berautoriti.

Bagi mendapatkan maklum balas pakar dan kumpulan penutur dialek, kajian ini telah dibentangkan dalam Program Bicara Bahasa Kolokial anjuran Kementerian Perpaduan, Arkib Negara Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 5 Mac 2024 di Hotel Grand Riverview, Kelantan. Para peserta memperakarkan dapatan kajian ini dengan penambahan beberapa maklumat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan 1: Dialek Kelantan Yang Standard Bagi Semua Kawasan.

Dialek Kelantan jika didengari, sukar untuk difahami orang yang bukan penuturnya. Malahan, kadangkala generasi muda Kelantan sendiripun mengalami masalah memahaminya. Kebiasaannya perkataan dialek Kelantan yang diakhiri dengan huruf "ang" akan ditukar menjadi "e" dan "a" ditukarkan kepada "o". Manakala huruf "r" pula disebut dengan "gh". Perincian lanjut adalah sebagaimana berikut:

- Fonologi:** kajian tentang bunyi sebutan dalam sesuatu bahasa (*Kamus Dewan*, 1996) Berlaku proses pengguguran, penambahan dan penggantian bunyi bagi sesuatu perkataan.
 - Pengguguran vokal**
Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa vokal [ɑ] digugurkan dan ditukar menjadi [ɔ]. Pengguguran vokal dapat dilihat dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pengguguran vokal

Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan	Perkataan Sebutan Dialek Kelantan	Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan
Kawah	Kawoh	Anak	Anok	Mak
Kera	Kero	Awak	Awok	Nak
Kita	Kito	Ayah	Ayoh	Tanah
Lagak	Lagok	baca	Baco	Teriak
				Mok
				Nok
				Tanoh
				Teriok

Laksa	Lakso	Dia	Dio	Tolak	Tolok
-------	-------	-----	-----	-------	-------

b. Pengguguran Konsonan

Konsonan [n],[m] dan [r] telah digugurkan apabila perkataan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pengguguran Konsonan

Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan	Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan	Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan
Salam	Sale	Makan	Make	lengan	lenge
talam	tale	Jalan	Jale	ayam	aye
masam	mase	Telan	tele	Tikar	Tika

c. Penambahan konsonan

Konsonan[g] diletakkan pada awal suku kata apabila leksikal /apa/ disebutkan dan menjadi /gapo/ dalam percakapan masyarakat Kelantan bukan Melayu. Apa-/gapo/

d. Proses penggantian vokal [ɑ] kepada [e]

Proses penggantian vokal [ɑ] kepada [e] dapat dilihat seperti contoh data dapatan dalam Jadual 3 pada akhir suku kata dialek kelantan yang dituturkan digantikan dengan vokal [e]

Jadual 3: penggantian vokal [ɑ] kepada [e]

Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan	Perkataan	Sebutan Dialek Kelantan
Pinjam	Pinje	Memang	Meme
pisang	pise	Kelantan	Klate
petang	pete	Orang	ore
papan	pape	padan	pade

2. Diftong

Bunyi diftong ialah bunyi yang memerlukan dua vokal dibaca dengan satu bunyi, seperti:[ai] dalam /balai/, [au] dalam /pulau/ dan [oi] dalam /sepoi/. Antara huruf diftong yang digugurkan oleh masyarakat Cina ialah diftong [au] berubah menjadi [ɔ] seperti yang terdapat dalam leksikal berikut: *Kalau - /kalɔ/*

3. Pembentukan kata

Terdapat beberapa pembentukan kata yang digunakan dalam dialek Kelantan.

- Pengguguran suku kata, kebanyakannya berlaku pada suku kata depan perkataan:
 - Pengguguran suku kata pertama /e/ di hadapan kata [emak] yang disebut [mok] dalam dialek Kelantan.
 - Pengguguran suku kata /h/ di hadapan kata [hamba] yang disebut [ambo] dalam dialek Kelantan.
 - Pengguguran suku kata pertama /em/ di hadapan kata dan /t/ ditukar kepada /k/ bagi perkataan [empat] yang disebut [pak],[empuk] yang disebut [puk] dalam dialek Kelantan.
 - Pengguguran suku kata pertama /sele/ dan /i/ bagi perkataan [selepas itu] yang disebut [pah tu] dalam dialek Kelantan.

- v. Pengguguran suku kata pertama /per/ pada perkataan [pergi] yang disebut [gi] dalam dialek Kelantan.
- vi. Pengguguran suku pertama /ti/ dan penggantian vokal /a/ dengan vokal /o/ bagi perkataan [tidak] yang disebut [dok] dalam dialek Kelantan.
- b. Pengguguran Imbuhan akhiran /an/ kepada /ε/
 - i. Berlaku pengguguran imbuhan akhiran /-an/ yang diganti dengan vokal /ε/ bagi perkataan seperti [makanan] yang disebut[makane], [pakaian] disebut [pakaie],[tambahan] disebut [tambae],[kenangan] disebut [kenange]

4. Pembentukan Ayat

Berdasarkan kepada intonasi iaitu nada suara dan pembentukan ayat dalam dialek Kelantan didapati terdapat empat jenis;ayat penyata, ayat tanya, ayat seru dan ayat perintah.

- a. Ayat Penyata. Ayat yang diucapkan dengan nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir. Contoh ayat penyata dapat dilihat dalam ayat:
 - i. Ambo gak tane nga jual sayo sokmo (Saya selalu tanam dan jual sayur.)
 - ii. Ado jugok kade-kade anok ata pitih (Kadang-kadang anak ada hantar juga duit.)
 - iii. Kure doh oghe maghi beki sini. (Sudah kurang orang datang baiki di sini)
- b. Ayat Tanya
 - 1. Ayat tanya diucapkan dengan nada yang tinggi sebelum kesenyapan akhir. Ayat tanya memakai sama ada kata tanya atau menggunakan intonasi tanya sebelum kesenyapan akhir.
 - 2. Ayat tanya tanpa kata tanya tetapi menggunakan intonasi tanya sebelum kesenyapan akhir.
 - a. Demo bui ko ambo go ni (Awak beri kepada saya benda ini).
 - b. Mek Ye gi keda sak ni. (Mek Yan pergi ke kedai sebentar tadi)
 - 3. Ayat tanya menggunakan partikal tanya kah.
 - a. Budok tino tu ko anak Chu Eng. (Budak perempuan itukah anak Chu Eng?)
 - b. Maghi doh ko puok-puok dikke barak (Sudah datangkah kumpulan dikir barat?)
- c. Ayat seru diucapkan menggunakan intonasi seru dengan nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir dan mempunyai tekanan yang lebih pada kata yang hendak ditegaskan Intonasi seru dilambangkan dengan tanda seru: !. Lihat contohnya:
 - i. Ayat seru sedih
 - a. /wah, make sedak kita ari ni!/ (Wah, makan sedap kita hari ini!)
 - b. /we , comelnya baju mu!/ (Wah,cantiknya baju awak!)
 - ii. Ayat seru sedih
 - a. /ya Tuheku bak po la jadi gini!/ (Ya Tuhanku kenapalah jadi begini!)
 - iii. Ayat seru marah
 - a. /Cih, menate jahat!? (Cis, binatang jahat!)
 - b. /Cih, bengon sunggoh budok tu! (Cis, bengong sungguh budak itu!)
 - iv. Ayat seru sakit
 - a. /adoh, sakitnya palo! (Aduh, sakitnya kepala)
 - v. Ayat seru terperanjat
 - a. /o, bak po gitu! (Oh, kenapa begitu!)
 - b. /ha, dio tak dok doh! (Hah, dia sudah tiada!)

d. Ayat perintah digunakan dengan intonasi perintah dan nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir serta mempunyai tekanan yang lebih pada kata kerja yang hendak ditegaskan.

1. Ayat suruhan
 - a. Demo la gi keda nyo.(Awaklah yang pergi ke kedai).
 - b. Dok situ lah nyo. (Duduk di situ).
2. Ayat larangan
 - a. Bo lah dok main bolanya. Gi mandi nu. (Dahlah tu main bola. Pergi mandi sekarang).
 - b. Mu jange make beledo ni.(Kamu jangan makan agar-agar ni)
3. Ayat Silaan
 - a. Maghi dok sini.(Marilah duduk di sini).
 - b. Make la buoh mok te ni.(Jemputlah makan buah rambutan ini).
4. Ayat ajakan
 - a. Maghi kito kelik (Mari kita balik).
 - b. Maghi dok sini. Kito pakat make jeput pise ni. (Mari duduk di sini. Kita makan cekodok pisang ramai-ramai).

5. Leksikal

Terdapat beberapa perkataan dalam dialek Kelantan yang apabila dituturkan, perkataan tersebut berbeza dengan bahasa Melayu *standard*.

i. Kata-kata yang ada dalam dialek Kelantan tetapi tidak ada dalam bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam Jadual 4.

Jadual 4: Perkataan dialek Kelantan yang tidak ada dalam bahasa Melayu

Dialek Kelantan	Bahasa Melayu	Dialek Kelantan	Bahasa Melayu
Puye	Musim	Tok sir	Tidak mahu
Sekun	Sesuai	Kecek	Bercakap
Sengoti	Betul	Sokmo	Selalu
Keleh	Tengok	Ghoyak	Beritahu
Hingga	Lari	Demo	Awak

ii. Kata-kata yang terdiri daripada satu suku kata yang ada dalam dialek Kelantan tetapi tidak ada dalam bahasa Melayu seperti Jadual 5.

Jadual 5: Kata-kata yang terdiri daripada satu suku kata

Dialek Kelantan	Bahasa Melayu	Dialek Kelantan	Bahasa Melayu
So	Satu	Bo	Cukup
Nu	Sana	Te	Pukul
Ndo	Buaian	Lo	Sekarang
Ngga	Bodoh	Cok	Cangkul
Nyek	Pijak/lanyak	Lit	Elak

6. Kesantunan Dialek Kelantan Melalui Kata Ganti Nama

Kesantunan dilihat merujuk penggunaan sebutan dan keunikan ekspresi penutur. Masyarakat Kelantan memulakan perbualan dengan kata ganti nama "pok cik", "abe", "mok cik", "kak",

"mok ku", "kak we" bagi memudahkan perbualan. Jadual 6 menunjukkan kata ganti nama diri yang santun dalam penuturan harian dialek Kelantan:

Jadual 6: Peribahasa Pribadi yang digunakan secara sopan dalam masyarakat Kelantan

Kata ganti nama diri	Dialek Kelantan	Kata ganti nama diri	Dialek Kelantan
Saya/ Hamba	Ambo	Kakak	Kak cik, Kak nik, Kak we
Awak	Demo	Abang	Abe
Saya/Orang	ambo/oghe	Saudari	Mek
Kami	Kami	Saudara	Awe
Mereka	Demo	Pak cik	Pok cik,pok nik,pok we,pok ku
Kamu	Mu	Mak cik	Mok cik, mok nik, mok we, mok
Aku	Kawe		ku
Emak	Mok /Mek/Cik/We	/Nik	Datuk/Nenek
Ayah	/Ku		Pok wo, tok, tok cik, chek
			Mok wo, tok mek,tok chek
		Ayoh /Cik/We/ Nik /Ku	

Penggunaan kata ganti peribadi dan perkataan penamaan yang sesuai menimbulkan rasa hormat antara pendengar tanpa mengira usia dan status sosial mereka. Kata ganti seperti "pok cik", "mok cik" dan "mek" menonjolkan unsur-unsur budaya hormat. Begitu juga kata ganti peribadi seperti "ambo", "demo", "oghe" menunjukkan umur dan status sosial penutur, sementara "mu" dan "saya" menunjukkan keadaan tidak formal, bentuk kedekatan dan status pembicara. (Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi, 2016).

Dapatan 2: Dialek di Kelantan Yang Berbeza Mengikut kawasan

1. Perbezaan Ungkapan

Pengkaji mendapati antara faktor utama perbezaan dalam ungkapan dialek Kelantan adalah tertakluk kepada kedudukan penempatan geografi penuturnya. Geografi berdasarkan bahagian hulu dan hilir Kelantan lebih jelas bezanya di samping melihat kawasan utara dan selatan Kelantan. Dialek Melayu Kelantan atau dialek Melayu Hilir Kelantan ialah dialek Melayu yang dituturkan di bahagian hilir lembangan Sungai Kelantan, iaitu bermula dari Kuala Krai membawa ke kawasan pesisir pantai. Ianya merujuk kepada orang yang tinggal di kawasan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh (utara). Manakala orang hulu pula terdiri daripada orang dari kawasan Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai (Selatan). Penutur di Gua Musang turut dikategorikan orang hulu dan dalam masa yang sama ada kelainan mengambil kira bahasa purba Melayu Kelantan.

Bagi orang Kelantan hilir, penggunaan ungkapannya adalah lebih berlapik, manis dan sedap didengar serta tidak kasar. Perkara sebaliknya pula berlaku bagi orang hulu apabila ungkapannya lebih menggambarkan keadaan sebenar, tidak berlapik dan agak kental sebutannya. Sebagai contoh, jika ingin berkata "tidak tahu", orang hilir akan berkata "peksa" atau "weksa" tetapi bagi orang hulu, ungkapan yang digunakan adalah lebih jelas iaitu "tak tahu". Ada juga keadaan situasi penggunaan perkataan "tahu" dengan nada menekan hujung sebutan membawa maksud tidak tahu.

Ungkapan sesuatu perkataan juga mempunyai hubung kait dengan nada ia disebut. Bagi orang hulu, sebutannya lebih keras dan “dalam” berbanding dengan orang hilir. Contohnya, ungkapan “silakan makan” disebut “sleke make” oleh orang hilir dengan disebut “nn” dibelakang “slekenn” itu tadi dan juga disebut dengan “e” yang disengaukan dibelakang perkataan “make”. Namun begitu orang hulu pula menggunakan perkataan yang lebih jelas tetapi kasar nada sebutannya seperti “hadaplah”...(makanan itu) atau “sila makelah”.

Orang Pasir Mas menyebut secara lebih menekan dan diikuti dengan sengau di akhiran perkataan yang berakhir dengan “a” kepada “e tanda”. Manakala orang Kota Bharu pula menyebut secara sengau dengan menambahkan “nn” di belakang. Orang hulu pula menyebut dengan lebih tebal, kasar dan menekan. Orang Kota Bharu juga menyebut tidak tahu sebagai ‘weksa’, manakala orang Machang pula menyebut ”peksa”. Bunyi kedua-dua sebutan itu hampir sama tapi pada hakikatnya ia berbeza kerana satu pihak memulakan dengan huruf “w” manakala yang satu lagi memulakan sebutan dengan huruf “P”.

Memang terdapat *pattern* yang mudah difahami dalam pembentukan dialek umum Kelantan, namun perbezaan ungkapan turut jelas ada. Contohnya di Machang, terdapat beberapa ungkapan yang tidak difahami oleh orang kawasan lain seperti genaing dan belabit tidak difahami oleh orang lain selain daripada orang Machang. Begitu juga di Kampung Pangkal Meleret, “saya” yang selalunya disebut “demo” disebut “kemo”, “kamu” disebut ”momo” manakala di kawasan Labok pula “saya” disebut “kaei” atau “kami” dan “awak” atau “kamu” disebut “diri”. Di sesetengah kawasan di sebelah hilir pula ”saya” juga disebut sebagai ”kita” walaupun sebutan itu dipandang sebagai kasar dari segi kesantunannya. Secara amnya, sebutan “ore” atau “orang” memang difahami di seluruh Kelantan yang membawa maksud “saya”.

Ungkapan di kawasan hilir Kelantan lebih halus dan manis, contohnya ”weksa”, ”sleke”, ”dekpung”, ”he”, ”we” atau ”nik”. Namun begitu ungkapan-ungkapan begitu sudah mula tidak digunakan oleh orang-orang muda yang lebih cenderung ke arah menggunakan ungkapan *standard* bahasa Melayu contohnya ”memang”, ”tak apa”, ”silakan” dan ”ya”. Kemungkinan perkara ini berlaku kerana ibubapa sudah tidak lagi menggunakan pakai ungkapan dialek Kelantan klasik dalam percakapan harian.

Seramai 60 orang responden ditemuduga secara berperingkat-peringkat mengikut jajahan yang dilawati. Pembahagian kawasan yang dilawati ialah hampir separuh di kawasan hilir (yang meliputi Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok dan Pasir Puteh) dan selebihnya adalah di kawasan hulu (Machang, Kuala Krai dan Jeli).

1. Perkataan unik yang diungkap yang membezakan antara kawasan.

Jadual 8: Perbandingan ungkapan mengikut jajahan

Ungkapan Melayu standard	Kota Bharu	Pasir Mas	Pasir Puteh	Machang	Kuala Krai	Bachok	Jeli
Ya	He/we	He/we	Ya/he	Ya	Ya	Yo	Ya
Bagaima na cerita	Lagu mano	Guana/la gu mano	Guano/lag u mano	Gano/lagu mano	Guana/lagu mano	Guano	Gana/lag u mana

Apa	Gapo	Gapo	Gapo	henama / penama rima	Henama/ Gapo nama/Ya Gana/lagu mana hayut	Namo/Ga po	Henama/ gapo
Gayat	Gayat/ hayut	Hayut	hayut	hayut	hayut	hayut	hayut
Silakan	Sleke	Sleke/sila	Sleke/sila	Sila	Sila	Silo	Sila
Endah	Hira/ Cakna	Hira/ Cakna	Hira	Hira/ cakna	Cakna	Cagho	Cakna
Tidak tahu	Weksa	Peksa	Peksa	Peksa/ Tak ahu	Tak ahu/ ahu/	Tok ahu	Tak tahu/ tahu
Sial	Sial/majal 1	Sial/maja	Sial/majal	Genaing/ majal	Majal	Maja	Majal
Panggil	Kelo	Kelo/pan ggil	Panggil	Panggil	Panggil/ Laung	Kelo/pan ggil	Panggil
Sungguh Perasaan marah	Sengoti Nok maroh	Sengoti Nak maroh	Sengoti Du'wa	Sengoti Du'wa	Sengoti Du'wa	Sunggoh Du'wa/ wa	Sengoti wa
Sengaja	Sengeling/ pisoh	Sengeling / pisoh	Pisoh	sengeling/ pisoh	Pisoh	Pisoh	pisoh

2. Berikut antara perkataan Dialek Kelantan yang jarang diungkapkan tetapi masih digunakan di kawasan hulu dan perbandingannya dengan ungkapan dialek hilir:

Jadual 9: Ungkapan yang jarang didengar

Dialek Hulu	Dialek Hilir	Maksud	Dialek Hulu	Dialek Hilir	Maksud
belabit	Belabit eh	logik	terbolah	tebolah	Tidak prihatin
genaing	Maja	sial	sekun	sekun	sepadan
Yak keleh bokte	Yak keleh bokte	tengok tu	magong	Tepak-skalo	Tempat biasa dikunjungi
Simpan palih	Mitok jauh	Minta dijauhi	keknyah	keknya	tetapi
Gue gapan	Serbo saloh	serba salah	boko	tale	alam
pacak	Pacok	tetapkan	batil	jag	Jag air
pelokan	Wat maghi	pulangkan/ kembalikan	tak leh seleh	Tokleh seleh	Tidak boleh diganggu
sengeleng	Sengeleng	disengajakan	gode	Te	pukul
Beretuh (kasar)	Beretuh	tidor	bole	bole	separuh buta
Ranggoh (kasar)	Kekoh	makan	gong	bodo	bodoh
cerap	Tok cerak lah mano	tidak ambil tahu/ perhatian	koksis	Kokser kokdang	sembarang atau tidak sistematik
ghosek	Payoh	rumit	jela	jjela	terlalu ingin

gadik	Ggadik	pekat	laeh	Laeh/monyok	letih
bokte	Bokte	Sebab/kerana	ngusut	ngesut	terakhir
rembeh	Rembeh	rimas	gubak	goba'	terakhir
kasik	Kasek	sikit	cokek	Cok ke'	meneletek
kerek	Kerek	kerap	topoh	epol	epal
gobek	Ggobek	tumbuk	unat	anggor	anggur
komoh	Cemar	kotor	hungga	hungga	lari
kekkong	Buas	buas	cokeh	cokeh	cungkil
Jemok-kira	Kecek-kiro	berunding	gha-um	wongi	wangi
kelo	Kelo	panggil	Silah-habah	Slah-haboh	Serba salah
Kekkong	Kekkong	bawa di belakang	Keneh atau eneh	ok/dok	(penambahan belakang ayat)
lokek	Sioh	Terlalu berkira (meticulous)	leek	leik	tekstur yang diadun dengan baik
So'oh	Soóh	Panas (so hot)	yolo	yolor	yalah
geletah	Gelebek	gatal	deder	tolol	tolol
gelenya	Gelenya	gatal	beronar	beronar	Buat onar
rebah belebing	Reboh beleping	jatuh terlantar	cepuah	ppurah	kotor (pada wajah)
Tidur selebing	Tidur telentang	tidur terlantar	loket	kedekut	kedekut
pengah	Gata	gatal	kelorek	Kupik	bakhil
cakpuak	Cakpuak	Aksi menjemput makanan	Cah keting	Cah keting	cuba atasi dengan cara jahat
jebor	Boto	botol	pending	pending	Tali pinggang
tonggong	Tongo	Lebih dari bodoh	selore	seloren	saluran air di bumbung bangunan
mureh	Mugheh/magh oh	marah	jangok	jangok	Berhias dan berdandan
cakduh	Cakduh	perbuatan tidak elok/sambil lewa			

Sumber: Prof. Emuratus Datuk Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi (2016).

Struktur Suku Kata

Mohd Tarmizi Hasrah (UUM, 2018) menyatakan dialek Hulu Kelantan, khususnya jajahan Gua Musang di Sungai Nenggiri (Kuala Betis, Pulau Stelu, Setar, Pasir Tumbuh dan Bertam) menarik merujuk kepada leksem tiga suku kata terbitan terbentuk menerusi proses *schwa* epentlich, iaitu penyisipan vokal tengah madya di antara deretan konsonan. Contoh bagi satu suku kata:

[ūh] “ujaran menandakan keengganan” [ih] “ujaran menandakan rasa tidak senang”		
[yə] “ya, ujaran membenarkan”	[gi ^y] “pergi”	[wə] “nenek”
[wəh] “partikel penegas”	[də?] “tidak”	[nə?] “hendak”
Dua suku kata:		
tando?] “tando”	[timbe?] ~ [tembe?] “tembak”	[yambu?] “rambut”
[l:aki ^y] “lelaki; suami”	[t:ine] “perempuan”	[m:ane] “di mana; ke mana”
[m:ayiŋ] ~ [m:ayεŋ] ‘kelmarin’	[n:ajih] “menangis”	[n:usu?] “bersembunyi”
Tiga suku kata		
[j ^ə yənih] “jernih”	[b ^ə yənaŋ] “berenang”	[t ^ə yəbaŋ] “terbang”

2. Perbezaan Fonem Vokal

Nur Faten Shahirah DKK (2019, UniMAS) menyatakan jumlah fonem vokal yang wujud dalam subdialek Pasir Mas (hilir) ialah 7 iaitu [a, e, i, o, u, ə, ɔ], contoh sebagaimana jadual 10 di bawah:

Vokal depan luas [a]	Vokal depan separuh sempit [e]	Vokal depan sempit [i]	Vokal belakang separuh sempit [o]	Vokal belakang sempit [u]	Vokal tengah [ə]	vokal belakang [ɔ]
[kamb̩ e]	[pise]	[limā]	[mā to]	[ula]	[ləmb̩ u]	[epɔ]
[bata]	[epɔ]	[iduŋ]	[mū ko]	[paku]	[ɔyə]	[kɔli]
[paga]	[tan̩e]			[tuko]		[skɔlɔh]

Dapatan ini berbeza dengan fonem vokal umum dialek Kelantan iaitu enam sahaja fonem vokal dan satu fonem vokal terbitan yang ditegaskan oleh Adi Yasran (2010) sebagaimana berikut [a, e, i, o, u, ə, ɔ]. Manakala Hashim Musa (1974) dan Nik Safiah Karim (1988) pula menyatakan bahawa terdapat lapan vokal dalam dialek Kelantan. Ia sama dengan pandangan Asmah Omar (2008) yang menjalankan kajian terhadap subdialek di Kota Bharu telah menyatakan bahawa terdapat lapan fonem vokal iaitu [i, u, e, ē, ə, o, ɔ]. Perbezaan pandangan tentang bilangan fonem vokal ini mungkin wujud akibat perbezaan cara menganalisis data. Adi Yasran (2010) dan Asmah Omar (2008) menggunakan pendekatan fonologi generatif dalam menjalankan kajian mereka, namun data-data yang mereka perolehi adalah dari sumber yang berbeza-beza yakni Asmah Omar menjalankan kajian lapangan di Kota Bharu, manakala Adi Yasran pula menggunakan data sumber sekunder daripada kajian kepustakaan.

Manakala dialek Melayu Hulu Kelantan pula memiliki empat vokal, iaitu /i, a, ə, u/.

Jadual 14: Inventori vokal dialek Melayu Hulu Kelantan.

	Depan Tengah Belakang	
Tinggi	i	u
Separuh Tinggi		
Separuh Rendah		ə
Rendah		a

Berikut ialah pasangan minimal dan pasangan minimal terdekat.

[ikɛ] “ikan”	lwn.	[ɛkɔ:] ~ [iku:] “ekor”			
[ɛsɔ?] ~ [isu?] “esok”	lwn.	[isa?] “hisap”	[kusu?] “kusut”	lwn.	[kasu?] “kasut”
[buke] “buka”	lwn.	[baku] ~ [bako] “bakul”			
[təle] “telan”	lwn.	[tulan] “tulang”			
[bəleh] “belah”	lwn.	[b:aləh] “berbalah; bergaduh”			

Vokal depan tinggi /i/ boleh menempati posisi suku kata praakhir terbuka dan tertutup, selain suku kata akhir, juga terbuka dan tertutup. Dalam suku kata praakhir terbuka, yakni yang merujuk kedudukan awal kata,/i/ muncul sebagai [i] dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya:

Jadual 15: Alofon /i/ dalam suku kata praakhir terbuka.

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Berta m
lempar	[li:pa:]	[lɛ:pa:]	[lɛ:pa:]	[li:pa:]	[lɛ:pa:]
ekor	[iku:]	[ɛkɔ:]	[ɛkɔ:]	[iku:]	[ikɔ:]
lebar	[li:ba:]	[lɛ:ba:]	[lɛ:ba:]	[li:ba:]	[lɛ:ba:]
ikan	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]
hijau	[ija]	[ija]	[ija]	[ija]	[ija]
kiri	[kiy̯ɪy̯]	[kiy̯ɪy̯]	[kiy̯ɪy̯]	[kiy̯ɪy̯]	[kiy̯ɪy̯]
mimpi	[m:ipi̯y̯]	[m:ipi̯y̯]	[m:ipi̯y̯]	[m:ipi̯y̯]	[m:ipi̯y̯]

Jadual 16: Alofon vokal /i/ dalam suku kata akhir tertutup.

Makna	K. Betis	P. Stelu	Setar	P. Tumbuh	Bertam
manis	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]
menangis	[n:aŋih]	[n:aŋih]	[n:aŋih]	[n:aŋih]	[n:aŋih]
angin	[aŋin]	[aŋin]	[aŋin]	[aŋin]	[aŋin]
pusing	[pusin̯]	[puſeŋ]	[puſeŋ]	[pusin̯]	[pusin̯]
lihat	[kəleḥ]	[kəliḥ]	[kəliḥ]	[kəliḥ]	[kəleḥ]

Vokal /a/

Vokal /a/ boleh menduduki posisi suku kata praakhir dan suku kata akhir. Dalam suku kata

praakhir terbuka dan tertutup, /a/ direalisasikan kepada [a]. Realisasi seperti ini hadir dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya:

Suku kata praakhir terbuka:

[ayɛ] “ayam” [ati^y] “hati” [ayi^y] “hari” [taŋɛ] “tangan” [kane] “kanan” [dayɛh] “darah”

Suku kata praakhir tertutup

[tambɛh] “tambah” [tamban] “sejenis alat pancing atau tauk” [tando?] “tanduk” [pandaŋ] “pandang” [panjaŋ] “panjang” [panja?] “panjat”

Vokal /a/ juga direalisasikan kepada tiga alofon dalam suku kata akhir. Alofon tersebut ialah [a], [ɛ] dan [ə]. Kemunculan alofon seperti ini seragam dalam semua varian yang terdapat di sepanjang Sungai Nenggiri. Contohnya:

Suku kata akhir terbuka

[ayɛ] “ayam” [ati^y] “hati” [taŋɛ] “tangan” [kane] “kanan”
[sa:pɛ] “siapa” [di^ya] “dia” [dimɛ] “kamu”

Suku kata akhir tertutup

[kəya?] “kerat” [tamba?] “ikat sesuatu pada sesuatu” [tanɛh] “tanah” [yumɛh] “rumah”
[dayɛh] “darah”

Vokal /ə/

Penyebaran vokal tengah madya agak terbatas. Hal ini dikatakan demikian kerana vokal /ə/ hanya menduduki posisi suku kata praakhir terbuka, sama ada dalam perkataan dua suku kata mahupun tiga suku kata. Semua dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji memperlihatkan kehadiran /ə/ yang mematuhi aturan ini. Contohnya:

[təlɛ] “telan” [pəyɛh] “perah” [bəya?] “berat” [kəyah] “keras”
[bəyənaŋ] “berenang” [b^əlakan] “belakang”

Dalam kes yang lain, vokal /ə/ digugurkan di awal kata. Oleh sebab itu, di Hulu Kelantan, terdapat contoh kata seperti [mə?] “emak”, [pa?] “empat” dan [nə] “enam”.

Vokal /u/

Gejala yang ditunjukkan oleh vokal /u/ menyamai gejala vokal /i/ yang dibincangkan sebelum ini. Berhubung dengan perkara ini, vokal /u/ boleh menduduki suku kata praakhir terbuka dan tertutup, selain suku kata akhir yang juga terbuka dan tertutup. Dalam suku kata praakhir terbuka (awal kata dan selepas konsonan awal), /u/ direalisasikan kepada [u], [o] dan [ɔ]. Akan tetapi, realisasi seperti ini memperlihatkan sifat kestabilan dan sporadik sekali gus. Dalam hal ini, ada perkataan yang mengambil [u] secara konsisten dalam semua varian, tetapi ada varian dan perkataan yang hanya mengambil [u], [o] atau [ɔ]. Contohnya dalam Jadual 18. Jadual 19 pula memaparkan alofon /u/ dalam suku kata praakhir terbuka selepas konsonan awal kata.

Vokal /u/ dalam suku kata akhir direalisasikan kepada beberapa alofon, iaitu [u], [u^w] dan [o]. Dalam suku kata akhir terbuka (akhir kata sebelum kesenyapan), /u/ memperlihatkan geluncuran yang dilemahkan, iaitu [u^w]. Geluncuran seperti ini muncul di

sepanjang Sungai Nenggiri. Contohnya:
 [kuku^w] “kuku” [dagu^w] “dagu” [kutu^w] “kutu” [kayu^w] “kayu” [sagu^w] “sagu”

Jadual 20: Rangkuman penyebaran vokal dialek Melayu Hulu Kelantan.

Vokal	Suku kata praakhir	Suku kata akhir
/i/	[i] [ɛ]	[i] [i ^y] [e]
/a/	[a]	[ɛ] [ə] [a]
/ə/	[ə]	-
/u/	[u] [ɔ]	[u] [u ^w] [o] [ɔ]

3. Konsonan

Dialek Melayu Hulu Kelantan mempunyai 18 konsonan, iaitu: /p, b, k, g, t, d, m, n, ɳ, ɲ, s, ɻ, h, l, w, y/. Terdapat enam konsonan letupan, iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/. Semua konsonan ini hadir pada posisi awal dan di antara vokal sebagai [p], [b], [t], [d], [k] dan [g], dan di akhir kata sebagai hentian glotis. Walau bagaimanapun, realisasi kepada [?] tidak melibatkan konsonan /b/, /d/ dan /g/. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga konsonan ini tidak hadir pada kedudukan akhir melainkan dalam kata serapan.

Jadual 12: Inventori konsonan dialek Melayu Hulu Kelantan.

	Bilabial	Dental	Alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Letupan	Bs.	b		d		g
Geseran	Tb	p		t		k
Letusan	s					ɻ
	Bs.			s		h
	Tb				j	
	s.					
	Bs.					
	Tbs.				c	
Sisian	Bs.			l		
Nasal	Bs.	m		n	ɲ	ɳ
Separuh	Bs.	w			y	
Vokal						

Sumber: Mohd Tarmizi Hasrah (2018)

Antara contohnya adalah seperti yang dapat dilihat dalam data daripada Kuala Betis berikut. [pusin̩] “pusing” [kope?] “buah dada” [isa?] “hisap” [taŋε] “tangan” [dataŋ] “datang” [pəyu?] “perut”.

Pemonoftongan dan Pendiftongan

Satu lagi gejala fonologi yang muncul di Hulu Kelantan ialah pemonoftongan dan eISSN: 2637-0360

pendiftongan. Diftong bahasa Melayu [-aw] dan [-ay] menjadi monoftong. Gejala seperti ini muncul dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Contohnya: [səma] “semai” [pəta] “petai” [gula] “gulai” [ɣama] “ramai” [pula] “pulau” [lima] “limau” [ija] “hijau” [ku:ba] “kerbau”

Contoh yang diberikan ini menunjukkan bahawa proses pemonoftongan segmen diftong bahasa Melayu telah menyatukan [-aw] dan [-ay] kepada [a]. Ketiadaan diftong asal yang telah berubah menjadi monoftong diganti dengan gejala yang disebut sebagai geluncuran vokal tinggi dalam suku kata akhir. Gejala ini membawa erti bahawa selepas vokal tinggi di akhir kata akan muncul segmen geluncuran yang meninggi. Dengan kata lain, vokal [i] dan [u] akan diikuti oleh segmen [y] dan [w] yang dilemahkan. Geluncuran seperti yang diuraikan ini juga terjadi dalam semua varian dialek Melayu Hulu Kelantan yang dikaji. Yang berikut merupakan contohnya:


[api^y] “api” [ati^y] “hati” [kaki^y] “kaki” [gigi^y] “gigi” [ayi^y] “hari” [pagi^y] “pagi” [aku^w] “aku” [kayu^w] “kayu” [sudu^w] “sudu” [m:ilu^w] “semilu” [duku^w] “sejenis buah sekeluarga dengan langsat/duku” [gayu^w] “garu”

3. Perbezaan ikut etnik

Dialek etnik Melayu Pattani yang dipertuturkan oleh penduduk di Selatan Thailand (Narathiwat, Yala dan Pattani) dan kawasan bersempadan iaitu Tumpat, Kuala Krai dan Jeli juga unik dan tersendiri. Terdapat ungkapan tertentu yang sudah tidak digunakan di Kelantan seperti “hengga” (sembuh) dan “henamo” (apa/ atau gapo). Dialek Kelantan juga didapati lebih lengkap dan panjang daripada aspek sebutan berbanding dialek Pattani yang sudah dipendekkan oleh penuturnya. (Farok, Khuzaiton dan Nurul Huda Sa’dama, Dialek Melayu Pattani dan Kelantan: Satu perbandingan, PSU Thailand, UMK dan Yala Rajabhat Univ. Thailand)

Beberapa ciri khas dialek Melayu Hilir Kelantan varian Pasir Mas dapat dikeluarkan daripada daftar kata yang dilampirkan dalam Ajid (1985). Yang berikut ialah ciri-cirinya:

1. Vokal bahasa Melayu purba (BMP) *a menjadi [ə] pada posisi akhir kata sebelum kesenyapan. Contohnya:
[suke] “suka” [meja] “meja” [payə] “para” [bɔye] “buaya” [p:alə] “kepala”
2. Vokal bahasa Melayu purba *a sebelum konsonan nasal bahasa Melayu purba *n, *m, *ŋ menjadi [ɛ]. Konsonan nasal bahasa Melayu purba digugurkan, ciri nasal kemudian berpindah kepada vokal bagi membentuk vokal yang dinasalkan. Contohnya:
[bawɛ] “bawang” [sa:tɛ] “santan” [macɛ] “bacang”
[ikɛ] “ikan” [malɛ] “malam”
3. Penyatuan diftong
Dialek Melayu Kelantan memperlihatkan penyatuan diftong, iaitu:
BMP *-aw



BMP*-ay

Contohnya:

[pula]	“pulau”
[kuba]	“kerbau”
[gula]	“gulai”
[pəta]	“petai”

4. Penyingkatan nasal homorgan

Dalam dialek Melayu Kelantan, nasal homorgan yang membentuk gugus konsonan -NK- dalam sesebuah kata disingkatkan kepada -K-. Penyingkatan ini menggugurkan konsonan nasal, yang dilambangkan dengan N, yang hadir bersebelahan dengan konsonan letusan dan geseran bersuara. Pengguguran nasal menghasilkan pemanjangan kepada segmen sebelumnya. Contohnya:

[ta:pa:] “tampar” [ca:ko] “cangkul” [tu:po] “tumpul” [sa:tɛ] “santan”

5. Pemanjangan segmen awal kata

Dialek Melayu Kelantan turut memiliki ciri pemanjangan segmen pada posisi awal kata sebagai penanda morfologi. Contohnya:

[p:ale]	“di kepala”	[t:aŋɛ]	“di tangan”	[k:əda]	“di/ke kedai”
[m:ane]	“di/ke mana”	[s:ini ^y]	“di/ke sini”	s:itu ^w]	“di/ke situ”
[j:ale]	“berjalan”	[n:ɛpa?]	“penyepak”	[n:apa:]	“penampar”

6. Vokal sengau yang fonemik

Collins dan Husin (1988) serta Nik Safiah dan Rozita (2016) ada mendokumentasikan vokal nasal yang fonemik dalam dialek Melayu Kelantan. Dalam hal ini, jika benar tanggapan mereka, maka kewujudan vokal nasal tersebut boleh dianggap sebagai ciri khas dialek Melayu Kelantan. Yang berikut merupakan pasangan minimal yang membuktikan kewujudan vokal sengau yang dimaksudkan (Nik Safiah & Rozita, 2016, p. 25):

[la]	“helai”	[lā]	“keadaan menyala”	[siya]	“sembuh”
[siyā]	“mangkuk tingkat”	[ɛsɔ?]	“esok”	[səyɛ?]	“serak”
[sɔyɛ?]	“bunyi tatkala menghirup minuman”				

Dialek Melayu Hulu Kelantan (Mohd Tarmizi Hasrah, 2018)

Amnya, dialek Melayu Hulu Kelantan masih memperlihatkan persamaan dengan ciri dialek Melayu Kelantan yang dibincangkan di atas. Walau bagaimanapun, dua ciri dialek Melayu Kelantan tidak muncul di kawasan hulu, iaitu vokal nasal yang fonemik⁶ dan penasalan vokal BMP *a yang hadir sebelum konsonan nasal. Untuk ciri yang kedua ini,

vokal BMP *a tetap muncul sebagai [ɛ], tetapi tanpa melibatkan gejala penasalan. Ketiadaan ciri ini bermakna dialek Melayu Hulu Kelantan memiliki persamaan dengan dialek Melayu Kelantan dalam empat ciri, iaitu:

1. BMP *a > [ɛ] pada posisi akhir kata
2. BMP *a > [ɛ] sebelum BMP *m, *n
3. Diftong DHSTP *-aw, *-ay menjadi [-a]
4. Penyingkatan nasal homorgan: -NK- > -K-

Walaupun memiliki persamaan dengan dialek di hilir, tetapi ternyata dialek Melayu Hulu Kelantan turut mempunyai inovasi tersendiri dengan tiga ciri fonologi yang sangat khas, iaitu:

1. Konsonan nasal velar bahasa Melayu purba dalam urutan *-aŋ kekal dalam dialek Melayu Hulu Kelantan sebagai [-aŋ]. Contohnya:

[uŋaŋ] “orang” [piŋaŋ] “pisang” [tulaŋ] “tulang” [bəlakaŋ] “belakang”
 [baŋaŋ] “bawang” [səmayaŋ] “sembahyang” [padaŋ] “padang”

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, di hilir semua nasal akhir kata dalam urutan -aN (N = nasal) digugurkan dan seterusnya mengubah nilai vokal BMP *a kepada [ɛ] yang dinasalkan. Walau bagaimanapun, di Hulu Kelantan, khususnya di Sungai Nenggiri, urutan -aN yang berasal daripada bahasa Melayu purba *-aŋ dikekalkan.

Pengguguran nasal yang mengubah nilai vokal hanya terjadi dalam urutan -aN yang berasal daripada bahasa Melayu purba *-am dan *-an. Namun begitu, berbeza daripada dialek Melayu Kelantan, vokal BMP *a ini tidak mengalami penasalan selepas konsonan nasal digugurkan. Seperti: [iɛ] “ikan” [maɛk] “makan”
 [tɛlɛ] “telan” [sa:tɛ] “santan” [male] “malam” [bayɛ] “bayam”
 [mase] “masam” [ɲ:əle] “menyelam”

2. Pengekalan vokal tinggi bahasa Melayu purba pada posisi awal kata, iaitu: BMP *i > [i] / #_; BMP *u > [u] / # ___. Contohnya:
 [iku:] “ekor” [isu?] “esok” [miyeh] “merah”
 [ili:] “hilir” [ute?] “otak” [uyaŋ] “orang”
 [tulɛ?] “tolak” [yute] “rotan”

Dialek di hilir mengubah kedua-dua vokal BMP *i dan BMP *u kepada [ɛ] dan [ɔ]. Contohnya ialah [ɛkɔ:] “ekor”, [ɛsɔ?] “esok”, [mɛyeh] “merah”.

3. Perubahan nilai vokal dalam preposisi lokatif /di-/ dan klitik /ɲa/, iaitu:
 - (a) Preposisi lokatif /di/ berubah kepada [də-]
 - (b) Klitik /-ja/ berubah kepada [ɲə]

Contohnya:

[dəʷanə] “di mana” [dəyuməh] “dirumah” [dəsuŋa] “di sungai” [dəsituʷ] “di situ” [dəsiniʸ] “di sini” [dəsane] “di sana”
 buke ɲə dəka? “bukannya dekat” anə? ɲə “anaknya”

mase tuw ŋə “masa itunya”

Dalam dialek Melayu Hulu Kelantan, vokal yang membentuk preposisi /di-/ berubah kepada dua bentuk. Pertama, /di-/ berubah menjadi [du-]. Antara contohnya ialah [du^wanə] “di mana”. Akan tetapi, perubahan ini tidak dominan. Yang dominan ialah bentuk kedua, yakni pemanjangan. Contohnya:

/di rumah/ [ɣ:uməh] /di suŋay/ [s:uŋa] /di sini/[s:ini^y]

Vokal yang membina klitik /-ja/ dalam dialek Melayu Kelantan tidak memperlihatkan bentuk vokal tengah madya seperti dialek di hulu. Akan tetapi, vokal /a/ dalam klitik tersebut berubah kepada [-ə]. Misalnya, [bukə̄ ja] “bukannya”, [masə tu^w] “pada masa itu”, [sabeŋə̄] “sebab itu”.

Sebagai bukti tambahan bagi memperkuat bukti fonologi di atas, dipaparkan dua lagi ciri khas dialek Melayu Hulu Kelantan, iaitu penggunaan partikel [weh] dan beberapa leksikal khas.

1. Partikel [weh]

Kewujudan partikel [weh] sangat khas di Hulu Kelantan. Partikel ini tidak wujud di hilir. Dari segi fungsi, partikel [weh] hampir menyamai partikel [dəh] yang begitu meluas penggunaannya di hilir walaupun kedua-duanya tidak serupa seluruhnya. Dikatakan tidak serupa seluruhnya kerana fungsi partikel ini lebih mirip dengan partikel [weh] dalam dialek Melayu Pahang yang hanya berperanan sebagai kata penegas. Contoh penggunaan partikel [weh] dalam dialek Melayu Hulu Kelantan adalah seperti yang berikut:

kite niy ne? banje: dəh weh “sekarang sudah hendak banjir”

giy tuyuŋ weh “pergi turun”

aku iŋa? weh “saya masih ingat”

2. Beberapa kosa kata

Dialek Melayu Hulu Kelantan turut memiliki beberapa kosa kata khas. Kosa kata ini berbeza daripada kosa kata dalam dialek Melayu Kelantan walaupun maknanya masih sama dan seakan-akan sama. Berikut dipaparkan contohnya dalam Jadual:

Jadual 21: Kosa kata khas dialek Melayu Hulu Kelantan (DMHK).

Makna	DMHK	Dialek Melayu Kelantan
berbohong	[bəbəŋ]	[n:aŋəŋ]
keadaan yang susah	[jənuh]	[pu:ah]
kamu orang	[kəmə]	[deme]
kita	[səmə]	[kite]
buat apa?	[n:ame]	[g:ape]~[mənde]
buat apa?	[n:ə]	[g:ape]
air	[aye:]	[a:e:]
kenapanya	[maŋəŋəh]	[baŋpə]
kenapa	[keŋəŋəh]	[baŋpə]

tadi	[n:tadi ^y]	[sa?ni ^y]~[ta?di ^y]
tapi	[ke?nə]	[səba?nə]

RUMUSAN

Dialek Kelantan sebagai dialek unik, sedap didengar apabila dipertuturkan. Keupayaan dan kefasihan ber'dialek klate' menjadi prasyarat jati diri masyarakat. Dialek Kelantan menjadikan mereka dihormati dan disegani, juga menjadikan hubungan mereka semakin erat dan mengukuhkan lagi tali silaturahim walau berlainan etnik di Kelantan. Walaupun pada dasarnya dialek Kelantan mempunyai keseragaman dan difahami oleh semua rakyatnya, namun terdapat variasi yang membezakannya mengikut kawasan. Dialek orang hulu masih utuh dan mengandungi banyak ungkapan yang mungkin tidak difahami oleh orang hilir. Perbezaan ungkapan ini mempunyai hubungan dengan kedudukan geografi kawasan iaitu di antara kawasan pantai di hilir dan kawasan hutan di hulu. Dialek Kelantan orang hilir lebih manis, lembut dan spontan (leseh) dari segi sebutannya berbanding dengan orang hulu yang lebih pekat, jelas dan kasar. Orang hilir juga lebih berlapik dalam bertutur manakala orang hulu lebih telus dan langsung. Warisan dialek ini boleh diperkuahkan dengan adanya kesedaran yang tinggi menjaga warisan ini dalam kalangan generasi muda kerana mereka yang akan meneruskan tradisi bangsa. Langkah penggunaan dialek Kelantan dalam menjenamakan produk perniagaan dan bahasa pemasaran amatlah baik terutama sekali dalam dunia media sosial semasa.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1994 dan 2006). *Sintaksis Dialek Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah al-Qari Salleh. (1981). *Kamus pertuturan loghat Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Asa
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005). Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan; Suatu Penilaian Semula, *Jurnal Pengajian Melayu*, jilid 16.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2011). Suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan teori optimaliti. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11 (2), 121-136.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 5. Institut Bahasa Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Omar. (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Omar. (1993). *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Collin James T. (1989). *Antologi Kajian Dialek Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Collins, J. T. dan Husin Dollah. (1988). *Catatan fonologi Kelantan: konsonan [ʃ]*. *Dewan Bahasa* 32(12), 874-887.

- Farok Zakaria, Khuzaiton Zakaria. (2017). *Antara Wilayah Ulu Dan Hilir: Satu Tinjauan Perbandingan Terhadap Dialek Melayu Kelantan*, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan
- Farok Zakaria, Khuzaiton Zakaria, Nurul Huda Sa'dama. (2018). *Dialek Melayu Pattani dan Kelantan: Satu perbandingan*, Prince of Songkla University, Pattani, Thailand, Universiti Malaysia Kelantan dan Yala Rajabhat University, Thailand
- Glosari Dialek Kelantan (2016). *Siri Glosari Dialek Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Inggeris Melayu Dewan. (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khuzaiton Zakaria. "Language Politeness: A review on the usage of pronouns and unique expression of the Malay Society Kelantan", *The 3rd International Seminar on Language*, Universitas Andalas, August 24 2017.
- Khuzaiton Zakaria, Farok Zakaria. "Penggunaan Dialek Melayu Kelantan Sebagai Bahasa Pertuturan dalam Masyarakat Cina di Kampung China, Machang, Kelantan : Satu Tinjauan". Universiti Malaysia Kelantan
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). Dialek Melayu di Hulu Kelantan: Sebuah laporan awal. *Jurnal Bahasa* 18(2), 219-252.
- Nicholas S. (2008). (terjemahan Marlysa Razak). *Menyelamatkan Bahasa Oko*. Kuala Lumpur: Communications Division, Malaysia Airlines
- Nik Safiah Karim. (1985). "Dialek Kelantan- Satu Lambang Sosio-Budaya Wilayahnya". Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff, *Kelantan dalam Perspektif Sosio Budaya*, Kuala Lumpur, Jabatan bahasa Melayu, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. *Loghat Melayu Kelantan Suatu Cherakinan Kajibunyi Bahasa*, Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Rozita Che Rodi. (2016). *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Nur Azuki, Khuzaiton dan M. Tarmizi. (2024). *Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan Mengikut Jajahan, Bicara Bahasa Kolokial* anjuran Kementerian Perpaduan, Arkib Negara Malaysia dan DBP. 5 Mac 2024 di Hotel Grand Riverview, Kelantan.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud. Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal, UNIMAS, *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science*. Jilid. 4 (1) 2019: 102-112

Penulis

Nur Azuki bin Yusuff (PhD) ialah Profesor Madya di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Kepakaran dalam bidang Sains Sosial, Sejarah dan Peradaban, Pengajian Islam dan Sains Kemasyarakatan serta pernah menjawat Ketua Kluster Pengajian Kontemporari Melayu.

Khuzaiton Zakaria ialah Mantan Guru Bahasa Kanan di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Pengajian Bahasa dan Linguistik Melayu, Perbandingan Bahasa dan komunikasi serta bahasa Kolokial Kelantan.

Mohd Tarmizi Hasrah (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Beliau berkepakaran dalam bidang Pengajian Bahasa dan Linguistik Melayu, Perbandingan Bahasa dan komunikasi serta bahasa Kolokial.